

**KESAN KAEDAH PENGAJARAN BERASASKAN  
MODEL TOCFE TERHADAP KEMAHIRAN KBKK  
DAN MINAT MURID TINGKATAN EMPAT  
DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH**

**Oleh**

**JUBAIDA @ MUNAH BINTI ABU BAKAR**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**November 2011**



## PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah penyelidik ucapkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya serta limpah kurniaNya pengkaji dapat menyelesaikan tesis untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana ini.

Rakaman penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Najeemah Mohd Yusof dan Prof. Madya Dr. Subadrah A/P Madhawa Nair atas segala nasihat, pandangan, tunjuk ajar dan komen membina dalam menyelesaikan tesis sarjana ini. Mereka tidak pernah jemu memberi bimbingan, nasihat dan motivasi untuk membantu menyelesaikan tesis ini.

Penyelidik juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Jabatan Pelajaran Tawau, pengetua sekolah tempat penyelidik bertugas dan pengetua sekolah menengah yang terpilih dalam kajian ini serta semua guru dan murid yang banyak memberi kerjasama dalam menjayakan penyelidikan ini.

Akhir sekali penghargaan untuk keluarga tersayang terutama ibu Khadijah Jahilin yang mendoakan dan memahami kesibukan dalam menyiapkan tesis dan kesabaran adik beradik yang memahami serta banyak memberi dorongan. Tidak lupa juga penghargaan untuk teman-teman yang tidak jemu-jemu memberi bimbingan dan dorongan yang berterusan untuk meneruskan perjuangan menyiapkan tesis ini.

## KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI LAMPIRAN	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv

## BAB 1 PENGENALAN

	Muka surat	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Pernyataan Masalah	6
1.3	Objektif Kajian	11
1.4	Soalan Kajian	13
1.5	Hipotesis Kajian	14
1.6	Kepentingan Kajian	15
1.7	Batasan Kajian	17
1.8	Definisi Operasional	18
	1.8.1. Kaedah TOCFE	18
	1.8.2. Kaedah	19
	1.8.3. Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif	20
	1.8.4. Pencapaian	20
	1.8.5. Minat	22
	1.8.6. Murid-murid Tingkatan Empat	23
1.9	Kesimpulan	23

## BAB 2 TINJAUAN KAJIAN

2.0	Pendahuluan	25
2.1	Kepentingan Pendidikan Sejarah	26
2.2	Definisi Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif	28
2.3	Aplikasi KBKK Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah	32

2.4	Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran sejarah	35
2.5	Kepentingan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif	39
2.6	Model-model Pembelajaran Berasaskan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK)	42
	2.6.1. Model PADI	44
	2.6.2. Model Gaya Pembelajaran Kolb	45
	2.6.3. Model Gaya Pembelajaran Rahil et al. (1995)	47
	2.6.4. Model Theory of Constraints For Education (TOCFE)	48
2.7	Latar Belakang Theory Of Constraints For Education	50
2.8	Model Theory Of Constraints For Education (TOCFE)	54
2.9	Beberapa Kajian Lepas Keberkesanan Penggunaan Model Theory Of Constraints For Education (TOCFE) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	59
2.10	Aplikasi TOCFE Di Malaysia Dalam Bidang Pendidikan	61
2.11	Konsep Pembelajaran Kaedah Konvensional	66
2.12	Pendekatan Konvensional	67
2.13	Keberkesanan Kaedah Konvensional Dalam Pendidikan	68
2.14	Beberapa Kajian Mengenai Kaedah Konvensional Berasaskan KBKK	71
2.15	Perbandingan Ringkas Kaedah TOCFE dengan Kaedah pengajaran Konvensional	74
2.16	Perspektif Teoritis	75
	2.16.1. Teori Psikologi-Kognitif	75
	2.16.2. Teori Motivasi (Keperluan) Maslow	76
	2.16.3. Teori Kritikal	78
2.17	Kerangka Teori Psikologi-Kognitif, Teori Motivasi dan Teori Kritikal	79
2.18	Kerangka Konseptual	81
2.19	Kesimpulan	83

### BAB 3 METEDOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	85
3.1	Kaedah Kajian	85
	3.1.1. Reka Bentuk kajian	85
3.2	Instrumen Kajian	89
	3.2.a Kesahan	89
	3.2.b Kebolehpercayaan	90
	3.2.1 Ujian Pra dan Ujian Pasca	90

3.2.2	Soal Selidik Minat Terhadap KBKK dan Soal Selidik Minat Terhadap Mata Pelajaran Sejarah	92
3.2.3	Borang pencerapan	96
3.2.4	Kaedah Pengajaran Berasaskan Model TOCFE	98
3.3	Kajian Rintis	105
3.4	Subjek Kajian	107
3.4.1.	Populasi Kajian	107
3.4.2.	Sampel Kajian	107
3.4.3.	Ciri-ciri Sampel	109
3.5	Prosedur Pengutipan Data	109
3.5.1.	Pelaksanaan Kajian	109
3.5.2.	Merekod Maklumat	115
3.5.3.	Analisa data kajian	117
3.6	Kesimpulan	118

#### BAB 4 ANALISIS DATA KAJIAN

4.0	Pengenalan	119
4.1	Dapatan Kajian	119
4.2	Pengujian Hipotesis Nul	120
4.2.1.	H <sub>0</sub> 1: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara min Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan bagi pencapaian keseluruhan bagi mata pelajaran Sejarah	120
4.2.2.	H <sub>0</sub> 2: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara min Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan bagi soalan objektif Sejarah berbanding dengan kaedah Konvensional?	122
4.2.3.	H <sub>0</sub> 3: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara min Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan bagi soalan struktur Sejarah berbanding dengan kaedah Konvensional?	124
4.2.4	H <sub>0</sub> 4: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara min Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan bagi soalan esei kaedah TOCFE berbanding dengan kaedah Konvensional?	125
4.2.5.	H <sub>0</sub> 5: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara min minat terhadap pengajaran guru antara Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan dalam mata pelajaran Sejarah selepas menggunakan kaedah TOCFE	127

4.2.6.	H <sub>0</sub> 6: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara min minat terhadap pengajaran guru antara Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan dalam mata pelajaran Sejarah selepas menggunakan kaedah TOCFE	128
4.3	Soalan Kajian Tujuh: Menenal pasti kesan kaedah TOCFE terhadap penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran Sejarah berbanding kaedah Konvensional	129
4.4	Soalan Kajian lapan Menenal pasti kesan kaedah TOCFE terhadap kemampuan murid menjana idea dalam aktiviti pembelajaran Sejarah berbanding kaedah Konvensional	133
4.5	Rumusan analisis data kajian	137
4.6	Kesimpulan	138

## **BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN**

5.0	Pengenalan	140
5.1	Objektif Kajian	140
5.2	Kaedah Penyelidikan	142
5.3	Rumusan Hasil Kajian	143
5.4	Perbincangan Dapatan Hasil Kajian	147
5.4.1.	Menenal pasti kesan kaedah TOCFE terhadap pencapaian keseluruhan murid bagi soalan Sejarah berbanding dengan kaedah konvensional	148
5.4.2.	Menenal pasti kesan kaedah TOCFE dalam pencapaian murid bagi soalan objektif sejarah berbanding dengan kaedah konvensional?	149
5.4.3.	Menenal pasti kesan kaedah TOCFE dalam pencapaian murid bagi soalan struktur sejarah berbanding dengan kaedah Konvensional?	150
5.4.4.	Menenal pasti kesan kaedah TOCFE dalam pencapaian murid bagi soalan esei sejarah KBKK (aras aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian) berbanding dengan kaedah Konvensional?	151
5.4.5.	Menenal pasti kesan kaedah TOCFE terhadap skor minat murid terhadap pengajaran guru dalam mata pelajaran sejarah berbanding dengan kaedah Konvensional	152
5.4.6.	Menenal pasti kesan kaedah TOCFE terhadap skor minat murid terhadap mata pelajaran sejarah	153

	berbanding dengan kaedah Konvensional	
5.4.7.	Mengenal pasti kesan kaedah TOCFE terhadap penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran selepas intervensi guru dalam mata pelajaran Sejarah berbanding kaedah Konvensional	155
5.4.8.	Mengenal pasti kesan kaedah TOCFE terhadap kemampuan murid menjana idea dalam aktiviti pembelajaran selepas intervensi guru dalam mata pelajaran Sejarah berbanding kaedah Konvensional	156
5.5	Implikasi Dapatan Kajian	157
5.6	Cadangan Kajian	159
5.6.1.	Cadangan Meningkatkan Kualiti Pengajaran Sejarah Berdasarkan kaedah TOCFE	159
5.6.2.	Cadangan Meningkatkan Peranan Guru Menggunakan Kaedah TOCFE	162
5.6.3.	Cadangan Melaksanakan Pengajaran Berdasarkan Kaedah TOCFE	166
5.6.4.	Cadangan Membuat Penilaian Pengajaran Berdasarkan Kaedah TOCFE	168
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	169
5.8	Kesimpulan	171



## SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 2.1	Model Proses Berfikir Marzano	31
Rajah 2.2	Interaksi Dimensi-dimensi Pembelajaran	36
Rajah 2.3	Organisasi Kurikulum Sejarah	39
Rajah 2.4	Peta Domain Pemikiran	40
Rajah 2.5	Strategi Meningkatkan Kemahiran Berfikir Murid	45
Rajah 2.6	Model Gaya Pembelajaran Rahil et al.	48
Rajah 2.7	Model Theory Of Constraints For Education	49
Rajah 2.8	Teknik Awan	56
Rajah 2.9	Teknik Sebab Akibat	58
Rajah 2.10	Model Pengajaran Konvensional	68
Rajah 2.11	Hubungan Kerangka Teori Psikologi-Kognitif, Teori Motivasi dan Teori Kritikal Dengan TOCFE	81
Rajah 2.12	Kerangka Konsep Kajian	82
Rajah 3.1	Teknik Awan	112
Rajah 3.2	Teknik Sebab dan Akibat	113
Rajah 3.3	Proses Pengutipan Data	117

## SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 1.1	Analisis Keputusan Keseluruhan SPM 2007 dan SPM 2008 Bagi Sekolah-Sekolah Daerah Tawau, sabah	6
Jadual 1.2	Analisis Keputusan Keseluruhan SPM 2007 dan 2008 Bagi Sekolah Menengah Kebangsaan A Tawau, sabah	7
Jadual 1.3	Persepsi murid tentang mata pelajaran Sejarah	8
Jadual 1.4	Persepsi Murid Terhadap Amalan Pengajaran Guru	8
Jadual 2.1	Petunjuk Pemikiran Kritis dan Kreatif dalam Sukatan Mata pelajaran Sejarah (PPK,2000)	37
Jadual 2.2	Teknik Penyelesaian Masalah.	57
Jadual 2.3	Jadual Perbandingan Elemen Pengajaran KBKK Kaedah TOCFE dengan Kaedah Konvensional	75
Jadual 3.1	Model reka bentuk Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Ujian Pra dan Ujian Pasca yang tidak dirawakkan.	86
Jadual 3.2	Jadual pembahagian skala jumlah soalan Sejarah Ujian Pra dan pasca	91
Jadual 3.3	Jadual Pembahagian Aras KBKK dan JPU Bagi Soalan Sejarah Ujian Pra dan Pasca	92
Jadual 3.4	Pemarkatan Item	94
Jadual 3.5	Analisis Item-Item Positif Dalam Persepsi Minat Terhadap Pengajaran guru (Bahagian A)	95
Jadual 3.6	Analisis Item-Item Dalam Persepsi Minat Terhadap KBKK dalam Bahagian B	95
Jadual 3.7	Borang Pencerapan Guru	97
Jadual 3.8	Kemahiran KBKK Model TOCFE	99
Jadual 3.9	Agihan teknik awan, teknik Penyelesaian Masalah dan teknik Sebab dan Akibat Dalam Sesi Pengajaran dan Pembelajaran	104
Jadual 3.10	Keputusan Ujian Awal berdasarkan PMR 2008 (Kumpulan Eksperimen) SMK A, Tawau	108
Jadual 3.11	Keputusan Ujian Awal berdasarkan PMR 2008 (Kumpulan Kawalan) SMK B , Tawau	108
Jadual 3.12	Komposisi Sampel	108
Jadual 3.13	Pelaksanaan Penyelidikan	111
Jadual 3.14	Teknik Penyelesaian Masalah	113

Jadual 4.1.	Ujian t (independent sample t-test ) bagi pra ujian	119
Jadual 4.2.a	Min Bagi Pencapaian Keseluruhan Soalan Dalam Pasca Ujian	121
Jadual 4.2.b	Dapatan Ujian ANCOVA Bagi Min Pencapaian Keseluruhan Selepas Sesi Pembelajaran	121
Jadual 4.3.a	Min Bagi SkorSsoalan Objektif Selepas Sesi Pembelajaran	122
Jadual 4.3.b	Dapatan Ujian ANCOVA bagi min soalan objektif selepas sesi pembelajaran	123
Jadual 4.4.a	Min Bagi Skor Ssoalan Struktur Selepas Sesi Pembelajaran	124
Jadual 4.4.b	Dapatan Ujian ANCOVA bagi min soalan struktur selepas sesi pembelajaran	125
Jadual 4.5.a	Min Bagi Skor Soalan Essei Selepas Sesi Pembelajaran	126
Jadual 4.5.b	Dapatan Ujian ANCOVA bagi min soalan esei selepas sesi pembelajaran	126
Jadual 4.6.a	Dapatan kekerapan dan peratusan bagi kenyataan minat murid terhadap pengajaran guru Sejarah	127
Jadual 4.7.a	Dapatan Ujian ANCOVA Bagi Min Minat Terhadap Mata Pelajaran Sejarah Selepas Pengajaran	128
Jadual 4.8	Taburan penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran Sejarah	129
Jadual 4.9	Taburan kemampuan murid menjana idea KBKK selepas didedahkan dengan kaedah TOCFE	134
Jadual 4.10	Keputusan Pengujian Hipotesis	137

## SENARAI LAMPIRAN

	Muka surat
Lampiran A	181
Lampiran B	185
Lampiran C	193
Lampiran D	210
Lampiran E	218
Lampiran F	225
Lampiran G	246
Lampiran H	260
Lampiran I	272
Lampiran J	288
Lampiran K	295
Lampiran L	296
Lampiran M	297

## SENARAI SINGKATAN

Kurikulum Bersepadu Sekolah menengah	KBSM
Kementerian pelajaran Malaysia	KPM
Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah	KBSR
Sekolah Menengah Rendah	SMR
Sekolah Menengah Atas	SMA
Model Theory of Constraints For Education	TOCFE
Model Theory of Constraints	TOC
Pengajaran dan pembelajaran	P&P
Alat Bantu Mengajar	ABM
Statistical Package For Science	SPSS

*KESAN KAEDAH PENGAJARAN BERASASKAN MODEL TOCFE TERHADAP  
KEMAHIRAN KBKK DAN MINAT MURID TINGKATAN EMPAT DALAM MATA  
PELAJARAN SEJARAH*

*Abstrak*

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesan penggunaan kaedah pengajaran berasaskan model ‘*Theory of Constraints For Education*’ (TOCFE) dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan Empat. Kajian ini berbentuk kuasi eksperimen iaitu membandingkan kesan pengajaran menggunakan kaedah TOCFE berbanding pengajaran menggunakan kaedah konvensional terhadap pencapaian dan minat murid tingkatan empat dalam mata pelajaran Sejarah. Sampel kajian terdiri daripada 132 murid Tingkatan Empat di dua buah sekolah menengah di daerah Tawau, Sabah. Sekolah Menengah Kebangsaan A dipilih sebagai Kumpulan Eksperimen manakala Sekolah Menengah Kebangsaan B sebagai Kumpulan Kawalan. Sampel kajian dipilih berdasarkan keputusan PMR 2008 dengan tahap pencapaian sederhana. Kumpulan Eksperimen didedahkan dengan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE manakala Kumpulan Kawalan didedahkan dengan kaedah pengajaran konvensional. Bab lapan dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dijadikan bahan pengajaran bagi responden. Soal selidik, ujian pemahaman Sejarah (pra dan pos) dan borang pencerapan digunakan sebagai alat ukur bagi mendapatkan maklumat berkaitan pencapaian dan minat murid dalam mata pelajaran Sejarah. Penyelidik telah menggunakan ujian ANCOVA untuk menganalisis data yang diperolehi daripada soal selidik, pra ujian dan pasca ujian mata pelajaran Sejarah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan di antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan dalam pencapaian dan minat murid dalam skor ujian dan soal selidik yang diberikan. Murid Kumpulan Eksperimen yang didedahkan dengan pengajaran menggunakan kaedah TOCFE memperoleh pencapaian yang lebih tinggi dalam ujian yang diberikan. Dapatan soal selidik juga menunjukkan murid yang didedahkan dengan kaedah TOCFE lebih berminat dengan pengajaran guru dan mata pelajaran Sejarah.

# THE IMPACT OF THE TEACHING METHOD BASED ON THE TOCFE MODEL ON THE CREATIVE AND PROBLEM SOLVING SKILLS AND INTEREST IN HISTORY AMONG FORM FOUR STUDENTS

## Abstract

The purpose of this research is to identify the impact of “Theory of Constraints For Education” (TOCFE) in History. This research applied the quasi experiment in comparing the effects of the teaching method based on TOCFE with conventional method on the achievement and interest of form four students in History. The sample of the research consists of 132 form four students of two secondary schools in Tawau district, Sabah. *Sekolah Menengah Kebangsaan A* was chosen as the Experimental Group whereas *Sekolah Menengah Kebangsaan B* as the Control Group. The sample was chosen based on the results of the PMR 2008 whereby only those with average performance were included. The Experimental Group was exposed to the TOCFE method while the Control Group was exposed to the conventional method. Chapter eight of the form four History syllabus was the instructional material for respondents. A questionnaire, History comprehension tests and an observation form were used as research instruments to gather data on the achievement and students’ interest in History subject. The ANCOVA test was used to analyse the data obtained from the questionnaire, pre test and post test. The findings showed that there were significant differences between Experimental Group and Control Group in both student achievement and interest. The students from the Experimental Group who were exposed using TOCFE method scored higher marks in the test. Similarly the findings showed that the students using the TOCFE method were more interested in the lessons and the History subject itself.

# **BAB I**

## **Pengenalan**

### **1.0 Pendahuluan**

Dalam sistem pendidikan negara selepas mencapai kemerdekaan, kurikulum Sejarah dibentuk berorientasikan Tanah Melayu bagi semua aliran persekolahan. Perkara ini termaktub dalam Laporan Razak (1956) yang memberi penekanan terhadap pembentukan dasar pendidikan melalui penggunaan sukatan pelajaran yang sama bagi semua aliran persekolahan. Namun, kecenderungan kurikulum lama yang dianggap sudah kurang sesuai membuka lembaran baru kepada penggubalan kurikulum menggunakan sukatan baru pada tahun 1978 untuk murid darjah empat dan tingkatan satu. Menurut Hazri Jamil (2003) kurikulum Sejarah tahun 1978 ini mengambil kira aspek kebudayaan dan sejarah sosial Malaysia sejak dari kurun ke-15. Sehubungan dengan itu Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 menyatakan:

*“Pendidikan Sejarah penting bagi membolehkan murid-murid memahami latar belakang Sejarah negara daripada beberapa aspek seperti aspek politik, aspek sosial, aspek ekonomi. Dalam sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum, kesedaran terhadap sejarah masyarakat majmuk yang terdapat di Malaysia hari ini dapat menolong murid-murid memahami peri mustahaknya perpaduan negara ini”.*

*(Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran: 76)*

Perkembangan terus berlaku selepas tahun 1984 apabila mata pelajaran Sejarah dijadikan salah satu matapelajaran aliran kemanusiaan dan mengalami perubahan besar dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 dan menjadi subjek teras di peringkat tingkatan satu hingga tingkatan lima menjelang tahun 1992. Kurikulum Bersepadu Sekolah



Menengah (KBSM) yang tahun 1989 ini menitikberatkan metodologi inkuiri dan secara tidak langsung mendorong kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Pada tahun 2002, Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Empat disemak semula untuk menyediakan pendidikan yang lebih relevan dan terkini dalam usaha melahirkan generasi yang cemerlang. Aspek yang diberi penekanan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002) ialah aspek kognitif, afektif, psikomotor dan kemahiran -contohnya kemahiran berfikir, kemahiran belajar, teknologi maklumat (IT), komunikasi, teori pelbagai kecerdasan dan pendekatan kajian masa depan. Sehubungan itu, sekolah dikenalpasti menjadi dasar dalam mengasuh serta meluaskan potensi pemikiran murid kepada kepelbagaian upaya untuk berfikir (Noor Rohana, 2003).

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

Sistem pelajaran pada hari ini masih menekankan kelulusan peperiksaan untuk menentukan kecemerlangan seseorang murid. Oleh itu, teknik pembelajaran lebih menekankan kuasa penghafalan murid (*memorization power*) terutamanya mata pelajaran Sejarah dan Geografi. Aktiviti bercorak hafalan masih diutamakan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah iaitu murid diminta mengingat fakta Sejarah seperti tarikh sesuatu peristiwa berlaku (Omardin & Yunus, 1996). Tinjauan yang dibuat Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) 2004, mendapati pengajaran Sejarah tidak menumpukan kepada percambahan dan peningkatan pemikiran murid. Malah kaedah pengajaran dan pembelajaran guru yang konvensional seperti *chalk and talk*

menyebabkan guru tidak menjadi fasilitator pembelajaran tetapi hanya menjadi penyampai maklumat untuk menghabiskan tajuk dalam sukatan pelajaran tanpa memberi pertimbangan terhadap keperluan atau potensi murid.

Mata pelajaran Sejarah bukan sahaja penting untuk membentuk semangat patriotisme dalam kalangan murid tetapi juga penting untuk melahirkan insan yang berdaya maju, kreatif dan inovatif. Namun, walaupun terdapat pelbagai saranan telah dikemukakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membantu guru mengembangkan proses kemahiran berfikir murid, namun beberapa kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa guru-guru masih kurang mahir meningkatkan kemahiran berfikir murid dalam bilik darjah. Salah satu kajian tersebut ialah kajian yang telah dijalankan oleh Balakrishnan (2002). Tujuan kajian yang dilakukan oleh Balakrishnan (2002) ini adalah untuk mengenal pasti persediaan dan pelaksanaan guru menerapkan Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK) dalam mata pelajaran Sejarah KBSM Tingkatan Empat. Kajian yang menggunakan kaedah pemerhatian ini merangkumi penelitian ke atas perancangan dan persediaan buku rekod mengajar guru, pemerhatian ketika pengajaran berlangsung dan temu bual dengan guru yang terlibat. Populasi kajian yang terlibat terdiri daripada 16 orang guru siswazah yang mengajar Tingkatan Empat di daerah Tampin dan Rembau di Negeri Sembilan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa guru-guru siswazah kurang melaksanakan penerapan KBKK sama ada semasa merancang dan melaksanakan sesuatu pengajaran. Mereka didapati kurang mengaplikasi KBKK dalam pengajaran menerusi teknik penyoalan, penggunaan alat bantuan mengajar serta menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Walaupun kesemua guru terlibat pernah

menghadiri kursus KBKK yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran tetapi dari segi pelaksanaan mereka masih lagi kurang yakin.

Satu kajian yang juga dijalankan oleh Busra Maulah (1999) mengenai pelaksanaan Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif (KBKK) dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan juga mendapati guru kurang menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran Sejarah di sekolah. Tujuan kajian adalah untuk meninjau pelaksanaan KBKK dari segi persediaan dan perancangan pengajaran guru, penerapannya dalam pengajaran dan masalah-masalah pelaksanaan serta penyelesaiannya daripada perspektif guru. Analisis data menunjukkan bahawa KBKK ditekankan dalam persediaan dan perancangan pengajaran guru namun kurang menggalakkan kemahiran berfikir pada tahap tinggi iaitu hanya sejumlah 30.67% daripada keseluruhan masa pengajaran melibatkan aktiviti-aktiviti yang menerapkan KBKK. Kekangan yang didapati daripada hasil kajian menunjukkan guru kurang menggunakan kaedah pengajaran yang pelbagai, berdepan dengan tuntutan menghabiskan sukatan, Bahan Bantu Mengajar (BBM) tidak mencukupi, masa persediaan tidak mencukupi, guru belum menguasai KBKK, jumlah murid yang ramai dalam sesebuah, kekurangan bahan rujukan, beban tugas mengajar dan bukan mengajar meningkat, masa pengajaran yang singkat, masa belajar terganggu, kekurangan buku teks dan kewujudan kelas terapung.

Yong (1989) berpendapat walau pun pelbagai usaha telah dijalankan untuk memajukan proses pengajaran guru, namun sekolah masih lagi cenderung untuk menghasilkan murid yang berorientasikan peperiksaan. Menurut ketua Nazir

sekolah, Jemaah Nazir Sekolah (1996) Kementerian Pendidikan, Nik Faizah Mustapha berkata dapatan yang diperoleh JNS mendapati guru kurang yakin serta kurang keupayaan untuk melaksanakan KBSR dan KBSM secara total. Setiap tahun antara sepuluh ribu hingga dua puluh ribu guru dan daripada jumlah tersebut lebih 90% guru telah didedahkan dengan kursus latihan KBSR atau KBSM. Bagaimanapun kursus-kursus tersebut kurang berkesan kerana kebanyakan guru kurang menggunakan kaedah pengajaran Sejarah yang berkesan kerana terdapat guru yang kurang berpegetahuan dan kurang cekap dalam memupuk kreativiti murid.

Banyak kajian yang dilakukan di dalam dan luar negara tentang pengajaran Sejarah mendapati pengajaran masih berpusatkan guru. Kajian-kajian yang dijalankan oleh Aini (1996), Wilson (2001), dan Formwalt (2002) juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pengajaran Sejarah dengan minat murid dalam mata pelajaran tersebut. Sejak tahun 1990-an KPM telah menjadikan kemahiran berfikir sebagai agenda utama dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Malangnya hasrat tersebut tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana guru mengutamakan kaedah syarahan. Guru lebih banyak memberi syarahan dan penerangan semasa menyampaikan isi pelajaran di dalam kelas. (Salbiah, 1992).

Daripada perbincangan tersebut dapatlah disimpulkan bahawa kaedah pengajaran guru yang kurang efektif dalam menyebarkan KBKK dalam pembelajaran Sejarah bukan sahaja mampu menjejaskan penguasaan KBKK murid dalam proses pembelajaran, malah turut menjejaskan minat murid dalam mata pelajaran Sejarah. Hasrat untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara (1988) yang memberikan penekanan ke arah pemupukan potensi individu secara

menyeluruh tidak akan tercapai jika guru masih dibelenggu dengan kaedah pengajaran yang kurang menitikberatkan kaedah berfikir selain memupuk minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun 2007 hingga 2008 yang diperoleh bagi sekolah-sekolah di daerah Tawau menggambarkan bahawa pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah kurang memuaskan. Begitu juga pencapaian Sekolah Menengah Kebangsaan A yang terpilih dalam kajian ini. Analisis pencapaian mata pelajaran Sejarah sejak tahun 2007 hingga 2008 di sekolah tersebut tidak pernah mencatatkan keputusan lulus penuh seratus peratus. Malah kelulusan yang dicatatkan sebanyak 56.6 peratus menggambarkan kemerosotan mata pelajaran Sejarah bagi SPM 2008 di sekolah tersebut begitu membimbangkan.

Jadual 1.1

*Analisis Keputusan Keseluruhan SPM 2007 dan SPM 2008 Bagi Sekolah-Sekolah Daerah Tawau, sabah*

Tahun	Jumlah calon	Bil. Lulus	% Lulus
2007	4531	3396	74.95
2008	4873	3818	78.35

Jadual 1.2

*Analisis Keputusan Keseluruhan SPM 2007 dan 2008 Bagi Sekolah Menengah Kebangsaan A Tawau, sabah*

Tahun	Jumlah calon	Bil. Lulus	% Lulus
2007	143	124	86.7
2008	182	103	56.6

Sebelum kajian dijalankan sebenar dijalankan, penyelidik telah membuat tinjauan awal melalui borang soal selidik di Sekolah Menengah Kebangsaan A dalam kalangan murid tingkatan empat untuk mendapatkan persepsi awal murid terhadap mata pelajaran Sejarah dan persepsi murid terhadap amalan pengajaran guru. Terdapat lima soalan berkaitan persepsi murid tentang mata pelajaran Sejarah dan lapan soalan berkaitan persepsi murid terhadap amalan pengajaran guru. Dapatan awal yang diperoleh melalui borang soal selidik terhadap persepsi murid terhadap mata pelajaran Sejarah mendapati lebih 80 peratus murid menyatakan tidak setuju terhadap pernyataan item yang menyentuh tentang minat mereka membaca buku Sejarah. Manakala persepsi murid terhadap amalan pengajaran guru juga turut mendapati lebih 60 peratus murid menyatakan tidak setuju bahawa guru menggunakan teknik pengajaran yang pelbagai. Hal ini menunjukkan kaedah pengajaran guru kurang menarik dan kurang berkesan boleh menjejaskan prestasi dan minat murid dalam mata pelajaran Sejarah.

Jadual 1.3

*Persepsi Murid terhadap Mata Pelajaran Sejarah*

Bil.	Pernyataan	Setuju	Tidak setuju
1.	Sejarah penting dalam kehidupan	30	0
2.	Sejarah penting dalam kerjaya yang bakal saya ceburi	10	20
3.	Saya minat membaca buku Sejarah	9	21
4.	Sejarah sama penting dengan Sains dan Matematik	5	25
5.	Sejarah sama penting dengan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	10	20

Jadual 1.4

*Persepsi Murid Terhadap Amalan Pengajaran Guru*

Bil.	Pernyataan	Setuju	Tidak setuju
1	Guru menyampaikan isi pelajaran dengan jelas	21	12
2	Guru menggunakan teknik pengajaran yang pelbagai	11	19
3	Guru sentiasa berusaha memastikan murid memahami tajuk yang diajar	19	14
4	Pembelajaran Sejarah di dalam kelas berfokus kepada murid	15	18
5	Guru sering menggerakkan aktiviti kumpulan bagi menyelesaikan suatu masalah dengan aktif	20	13
6	Guru terlalu tegas dan menakutkan	21	9
7	Guru kurang memberi latihan / kerja rumah	18	15
8	Guru lebih banyak bercakap	23	11

Manakala Laporan Pencapaian SPM 2002 yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia mendapati pencapaian keseluruhan murid kurang memuaskan kerana murid masih menghafal dan meramal topik-topik tertentu tanpa menganalisis kehendak soalan. Begitu juga dengan Laporan Pencapaian SPM 2003 yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) juga turut mendapati pencapaian keseluruhan calon kurang memuaskan dalam pelajaran Sejarah.

Kebanyakan calon kurang memahami sebahagian daripada kehendak soalan dan menjawab secara umum bagi yang berbentuk KBKK. Kebanyakan murid menjawab dengan baik soalan pada aras pengetahuan dan kefahaman berbanding soalan berbentuk KBKK. Senario ini selaras dengan Laporan Status Mata Pelajaran Sejarah yang pernah dikeluarkan oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1994; 1995) yang juga merumuskan bahawa kaedah pengajaran Sejarah masih berpusatkan guru.

Menurut Laporan Pelaksanaan Kurikulum Sejarah oleh Jemaah Nazir Sekolah (1987-1992) terdapat banyak kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum Sejarah di sekolah menengah. Masalah yang sering dihadapi ialah kebanyakan guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah di sekolah bukan terdiri daripada guru pengkhususan Sejarah yang sebenar dan mereka kurang mahir mengajar Sejarah mengikut kaedah pengajaran yang sesuai. Kekangan yang dihadapi oleh guru dan isu-isu yang dikaitkan dengan permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah, menyebabkan minat murid untuk mengikuti pelajaran ini di dalam kelas ini semakin merosot. Kebanyakan guru menganggap mata pelajaran Sejarah boleh diajar oleh sesiapa sahaja. Hal ini dapat menjelaskan kepada kita pengajaran mata pelajaran Sejarah masih dianggap kurang penting (Hazri Jamil, 2003).

Proses pengajaran-pembelajaran hanya akan dapat dipertingkatkan mutunya dan dipelbagaikan penyampaian dan penerimaannya melalui beberapa teknik pengajaran. Kemahiran guru menggunakan kaedah pengajaran yang pelbagai dikatakan dapat meningkatkan minat serta merangsang minda murid dan diakui sebagai pemangkin proses pengajaran dan pembelajaran. Guru yang berkesan ialah



guru yang dapat menghasilkan lebih ramai murid yang cemerlang dalam peperiksaan (Toh, 2003).

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas bahawa guru wajar memilih kaedah pengajaran yang melibatkan murid aktif dalam pembelajaran Sejarah. Penglibatan aktif murid dalam pembelajaran mendorong minat dan membantu prestasi mereka dalam mata pelajaran Sejarah. Kajian lepas mengenai kaedah pengajaran guru oleh Yong (1989), Maulah (1999), Balakhrisnan (2002) dan Laporan Pencapaian SPM (2002,2003) mendorong penyelidik mengkaji punca prestasi dan minat murid dalam mata pelajaran Sejarah merosot .

Untuk menjadikan prestasi murid meningkat dan mata pelajaran Sejarah terus diminati murid, penyelidik telah mengaplikasi Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) dalam pengajaran Sejarah menggunakan kaedah pengajaran berasaskan model *Theory of Constructrains for Education* (TOCFE). Model TOCFE digunakan kerana terdapat tiga kemahiran dapat digabungjalin dalam proses pengajaran dan pembelajaran menerusi model TOCFE ini iaitu kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran berfikir secara kreatif dan kemahiran generik. Selain itu, penyelidik cuba mengenal pasti kesan penggunaan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE terhadap KBKK murid dan minat dalam mata pelajaran Sejarah. Selain itu Penyelidik ingin mengenal pasti tahap kemampuan menjana idea KBKK terhadap topik-topik Sejarah dan penglibatan aktif murid dalam aktiviti pembelajaran murid dalam perbincangan yang didedahkan dengan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE.

### **1.3 Objektif Kajian**

Secara umum objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kesan pengajaran menggunakan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE terhadap pencapaian dan minat murid dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan Empat. Kesan penggunaan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dapat dilihat melalui pencapaian keseluruhan murid bagi soalan objektif, soalan struktur dan soalan esei. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian dan minat murid Kumpulan Eksperimen dengan dengan pencapaian dan minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah bagi murid Kumpulan Kawalan sebelum dan selepas didedahkan dengan pengajaran menggunakan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE.

Bagi menjawab persoalan tentang keberkesanan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dalam meningkatkan pencapaian dan minat murid, kajian ini menetapkan lapan objektif utama. Antara objektif kajian tersebut termasuklah:

- i. Membandingkan kesan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE terhadap pencapaian keseluruhan murid bagi soalan KBKK Sejarah berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional
- ii. Membandingkan kesan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dalam pencapaian murid bagi soalan objektif KBKK Sejarah berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional?

- iii. Membandingkan kesan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dalam pencapaian murid bagi soalan struktur KBKK Sejarah berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional?
- iv. Membandingkan kesan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dalam pencapaian murid bagi soalan esei KBKK Sejarah berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional?
- v. Membandingkan kesan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE terhadap skor minat murid terhadap pengajaran guru dalam mata pelajaran Sejarah berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional
- vi. Membandingkan kesan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE terhadap skor minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional
- vii. Membandingkan kesan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE terhadap penglibatan minat murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran Sejarah berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional
- viii. Membandingkan kesan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE terhadap kemampuan murid menjana idea semasa pembelajaran Sejarah berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional

#### **1.4 Soalan Kajian**

Dalam sistem pendidikan Malaysia, tumpuan terhadap perkembangan daya intelek seseorang individu mendapat saranan utama dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Unsur intelek diberi perhatian dalam FPN bagi melahirkan murid-murid yang berfikiran kreatif dan kritis. Malah salah satu objektif kemahiran berfikir kreatif adalah untuk mengembangkan dan meningkatkan lagi daya intelek serta pemikiran rasional, kritis dan kreatif dalam kalangan murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Dalam konteks pengajaran menggunakan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE , soalan kajian bagi mengenal pasti pencapaian dan minat murid dalam mata pelajaran Sejarah adalah seperti berikut:

- i. Adakah kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dapat meningkatkan pencapaian murid secara signifikan bagi keseluruhan soalan KBKK Sejarah berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional
- ii. Adakah kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dapat meningkatkan pencapaian murid secara signifikan bagi soalan objektif KBKK Sejarah berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional?
- iii. Adakah kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dalam meningkatkan pencapaian murid secara signifikan bagi soalan struktur KBKK Sejarah berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional?

- iv. Adakah kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dapat meningkatkan pencapaian murid secara signifikan bagi soalan esei KBKK Sejarah berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional?
- v. Adakah kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dapat meningkatkan skor minat murid terhadap pengajaran guru secara signifikan berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional
- vi. Adakah kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dapat meningkatkan skor minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah secara signifikan berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional
- vii. Adakah kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dapat meningkatkan penglibatan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran Sejarah berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional
- viii. Adakah kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dapat meningkatkan kemampuan murid menjana idea semasa proses pembelajaran Sejarah berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional

## **1.5 Hipotesis Kajian**

- i.  $H_{01}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara min Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan bagi pencapaian keseluruhan soalan KBKK bagi mata pelajaran Sejarah

- ii.  $H_02$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara min Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan bagi pencapaian soalan objektif KBKK bagi mata pelajaran Sejarah
- iii.  $H_03$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara min Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan bagi pencapaian soalan struktur KBKK bagi mata pelajaran Sejarah
- iv.  $H_04$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara min Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan bagi pencapaian soalan esei KBKK bagi mata pelajaran Sejarah
- v.  $H_05$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan bagi min minat murid terhadap pengajaran guru dalam mata pelajaran Sejarah
- vi.  $H_06$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan bagi min minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan terutamanya guru, murid, pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran tentang kepentingan kaedah pengajaran berasaskan model

TOCFE dalam meningkatkan kemahiran berfikir murid. Kajian ini juga memberi kefahaman kepada guru-guru Sejarah tentang aplikasi KBKK menerusi tiga teknik utama yang terdapat dalam kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE ini iaitu teknik awan, teknik sebab dan akibat dan teknik penyelesaian masalah yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini boleh dijadikan rangka rujukan cara guru menggunakan tiga teknik utama dalam model TOCFE, cara menyesuaikan tajuk menggunakan tiga teknik dalam model TOCFE dan contoh penyediaan lembaran pengurusan grafik sebagai latihan perbincangan kumpulan murid. Selain itu dapatan kajian membolehkan guru merangka strategi yang lebih mantap ke arah meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran kemahiran berfikir dalam mata pelajaran Sejarah. Kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan model TOCFE ini juga akan memberi input tentang aktiviti pembelajaran yang sesuai berdasarkan isi pelajaran yang hendak disampaikan.

Berdasarkan dapatan kajian ini juga, diharap kajian dapat menyarankan kepentingan kepada guru-guru dalam menyusun strategi pengajaran serta dapat memperbaiki proses kemahiran berfikir murid bagi meningkatkan lagi pencapaian akademik murid khususnya dalam mata pelajaran Sejarah menggunakan model TOCFE ini. Selain itu diharapkan dapatan kajian ini juga menawarkan sumber data dan maklumat rujukan khususnya di peringkat tempatan bagi mengadakan kajian berikutnya dalam usaha meneroka keberkesanan kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran secara lebih mendalam sebagai sebuah kajian berbentuk emperikal. Hasil kajian ini boleh diuji keberkesanannya dalam situasi yang berbeza.

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian dilakukan di buah dua sekolah yang kategori luar bandar di daerah Tawau. Sampel bagi kajian ini terdiri daripada murid tingkatan empat daripada dua buah sekolah menengah dari kawasan luar bandar. Sampel kajian terdiri daripada murid-murid aliran sastera (perdagangan) dengan aras pencapaian yang setara. Subjek tingkatan tiga bagi dua buah sekolah yang terpilih menduduki PMR tahun 2008 merupakan subjek yang berada di tingkatan empat pada tahun 2009 merupakan subjek yang terlibat dalam kajian ini. Mereka dikategorikan mempunyai pencapaian yang setara kerana memperoleh keputusan Sejarah PMR 2008 dalam lingkungan gred B dan C. Sekolah Menengah Kebangsaan A di daerah Tawau dipilih sebagai Kumpulan Eksperimen dan manakala Sekolah Menengah Kebangsaan B dipilih sebagai Kumpulan Kawalan. Kedua buah sekolah tersebut terdiri daripada murid lelaki dan perempuan yang terdiri dari pelbagai suku kaum bumiputera Sabah.

Kajian ini menggunakan dua pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran iaitu amalan pembelajaran menggunakan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE sebagai strategi pengajaran untuk Kumpulan Eksperimen manakala pengajaran kaedah pengajaran konvensional sebagai bahan pengajaran untuk Kumpulan Kawalan. Kumpulan Eksperimen yang terdiri dari dua kumpulan akan dikendalikan oleh seorang guru manakala Kumpulan Kawalan yang juga terdiri daripada dua buah kumpulan akan dikendalikan oleh seorang guru. Guru-guru yang mengendalikan sesi pengajaran merupakan guru yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah sebagai guru mata pelajaran Sejarah dalam kedua buah sekolah tersebut. Guru-guru tersebut mungkin mempunyai pengalaman, kemahiran dan



peribadi yang berbeza. Walau bagaimanapun, penyelidik memastikan guru-guru yang mengajar subjek bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan terdiri daripada mereka yang terlatih, berada dalam gred jawatan yang sama (DG41) dan berpengalaman mengajar Sejarah lebih daripada lima tahun.

Bab lapan dalam Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dijadikan tajuk pengajaran sepanjang tempoh kajian dijalankan di buah dua sekolah yang terlibat. Bab tersebut menyentuh tentang pembaharuan dan pengaruh Islam di Malaysia sebelum kedatangan Barat. Bab lapan ini dipilih sebagai bahan pengajaran kerana bab ini sukar dikuasai murid dengan baik dan analisis keputusan ujian dan peperiksaan bagi murid-murid yang telah mempelajarinya sebelum itu bagi dua buah sekolah yang terlibat dalam kajian menunjukkan murid-murid tidak dapat menjawab dengan baik soalan objektif, struktur dan esei yang dipilih daripada bab lapan.

## **1.8 Definisi Operasional**

### **1.8.1 Kaedah Pengajaran Berasaskan Model TOCFE**

Kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE merupakan kaedah pengajaran yang digunakan sepanjang tempoh kajian dilakukan Kumpulan Eksperimen menerusi bab lapan (Pengaruh dan kesan kedatangan Islam di Malaysia sebelum kedatangan Barat) yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM. *Theory of Constraints for Education* (TOCFE) adalah salah satu teori pengajaran dan pembelajaran kemahiran berfikir ke arah penyelesaian masalah berdasarkan pemikiran logik dan sistematik.

Melalui kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE ini, terdapat tiga teknik TOCFE yang utama diaplikasikan dalam pengajaran Sejarah iaitu teknik *awan*, teknik *sebab dan akibat* serta teknik *penyelesaian masalah*. Murid Kumpulan Eksperimen akan diterangkan cara menggunakan tiga teknik ini untuk menyelesaikan masalah pembelajaran Sejarah mereka. Lembaran Pengurusan Grafik (LPG) seperti yang terdapat dalam model TOCFE untuk aplikasi tiga teknik dalam model tersebut membolehkan murid melihat secara konkrit dan visual apa yang hendak mereka selesaikan dan proses berfikir yang terbentang secara abstrak. Penggunaan pengurusan lisan seperti bersoal jawab berdasarkan pengurusan grafik yang telah dilengkapkan murid akan mengukuhkan lagi pembelajaran menggunakan ketiga-tiga teknik ini (teknik *awan*, *penyelesaian masalah* dan *sebab dan akibat*).

### **1.8.2 Kaedah Pengajaran Secara Konvensional**

Kaedah pengajaran secara konvensional yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada kaedah pengajaran yang akan digunakan terhadap Kumpulan Kawalan. Kaedah pengajaran yang dilaksanakan terhadap Kumpulan Kawalan lebih berpusatkan guru dan murid diarahkan berbincang dalam kumpulan tetapi membuat latihan secara individu. Murid-murid juga akan didedahkan dengan elemen KBKK dalam mata pelajaran Sejarah secara konvensional iaitu mengikut pengetahuan dan kemahiran guru itu sendiri. Guru tersebut akan menjalankan pengajaran biasa mengikut rancangan pengajaran harian yang telah disediakan oleh penyelidik. Murid Kumpulan Kawalan juga akan didedahkan bab lapan yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Sejarah tingkatan empat KBSM menerusi bab lapan bertajuk “Pengaruh dan kesan kedatangan Islam di Malaysia sebelum kedatangan Barat”. Turutan aktiviti

pembelajaran di bawah Pembelajaran konvensional adalah bermula dengan penyampaian kandungan mata pelajaran oleh guru, diikuti dengan aktiviti kumpulan dan menjawab soalan kuiz kemudian membuat latihan secara individu

### **1.8.3 Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif**

KBKK dalam kajian ini merujuk kepada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif yang akan diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan. Kemahiran berfikir dalam konteks hubungan dengan isi kandungan pelajaran memberi peluang murid memproses informasi secara aktif reflektif. Teks atau bahan isi kandungan yang digunakan oleh guru dalam pembelajaran menerusi bab lapan (Pengaruh dan kesan kedatangan Islam di Malaysia sebelum kedatangan Barat), tersebut membolehkan murid menggunakan kemahiran berfikir mereka menyelesaikan masalah pembelajaran Sejarah mereka. Dalam aktiviti perbincangan kumpulan dan pembentangan hasil kerja kumpulan mereka, KBKK murid dioperasikan melalui proses murid menyelesaikan masalah Sejarah mereka dengan mengemukakan seberapa banyak idea terutama dalam perbincangan kumpulan, mengemukakan idea-idea baru dalam menyelesaikan masalah, mencipta idea-idea baru yang logik dan membuat perbandingan idea untuk untuk melihat persamaan dan perbezaan idea-idea mereka.

### **1.8.4 Pencapaian**

Pencapaian dalam kajian ini diukur menggunakan ujian yang akan dilaksanakan pada awal dan akhir kajian. Ujian ini dilaksanakan untuk mengenal

pasti samada wujud peningkatan atau perubahan pencapaian yang berlaku dalam Kumpulan Eksperimen dalam mata pelajaran Sejarah selepas didedahkan dengan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE. Pencapaian murid dalam ujian memberi gambaran yang jelas tentang kemajuan yang murid peroleh selepas didedahkan dengan kaedah pengajaran menggunakan model TOCFE menerusi bab lapan yang dianggap sukar sebelum ini sekaligus memberi penjelasan adakah kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE benar-benar signifikan atau sebaliknya dalam mempengaruhi pencapaian murid.

Selain itu, pencapaian dipilih sebagai salah satu variabel dalam kajian ini bukan sahaja kerana pencapaian merupakan salah satu aspek penting yang hendak diukur untuk menilai perubahan, peningkatan dan kemajuan yang berlaku pada murid selepas didedahkan dengan kaedah pengajaran berasaskan TOCFE tetapi murid-murid yang terlibat dalam kajian akan menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2010 dan diharap penguasaan terhadap tajuk-tajuk yang sukar membolehkan mereka menjawab soalan peperiksaan dengan baik kelak.

Manakala markah pencapaian tersebut diperoleh setelah ujian pra dan pasca selesai dilakukan selepas tempoh kajian dibuat. Item ujian terdiri daripada 40 soalan objektif yang perlu dijawab dalam tempoh satu jam, lima soalan struktur yang perlu dijawab dalam tempoh satu jam dan tiga soalan esei yang perlu dijawab dalam tempoh satu setengah jam. Ujian ini mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan isi kandungan topik Sejarah daripada bab lapan. Soalan ini digunakan untuk menguji aras pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis dan penilaian di dalam tajuk mata pelajaran Sejarah.

Gage & David (1992) berpendapat bahawa pencapaian akademik adalah sesuatu yang diperoleh atau dipelajari. Hal ini bermakna pencapaian adalah produk akhir bagi sesuatu proses pembelajaran. Lazimnya ia ditunjukkan dalam bentuk skor atau markah melalui ujian yang terpaksa dilalui oleh seseorang murid tersebut. Banyak kajian telah dijalankan untuk menghalusi faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian terutamanya dalam bidang pendidikan (Gage & David, 1992).

### **1.8.5 Minat**

Minat dalam kajian ini merujuk kepada sikap positif murid dalam mata pelajaran Sejarah selepas didedahkan dengan pengajaran menggunakan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE. Minat murid dalam kajian ini diukur dengan soal selidik yang mengandungi kenyataan tentang persepsi pengajaran guru dan persepsi minat terhadap mata pelajaran Sejarah. Soal selidik minat ini akan dijawab murid sebelum dan selepas tempoh kajian dibuat untuk menilai keberkesanan aplikasi kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dalam pengajaran dan pembelajaran bagi Kumpulan Eksperimen. Sulaiman Masri (1996) menyatakan sikap murid yang bersungguh-sungguh terhadap pembelajaran adalah pendorong ke arah pencapaian akademik yang cemerlang. Lee Shok Mee (1991) pula menegaskan bahawa minat murid memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi kesediaan murid untuk belajar.

Noraini (2000) menyatakan antara faktor-faktor yang boleh menarik dan merangsang minat seseorang kepada sesuatu perkara iaitu pendengar atau pengguna sadar atau tahu bahawa perkara atau benda itu berguna atau berfungsi kepadanya.

Perkara tersebut disampaikan atau dipersembahkan dengan cara dan gaya yang menarik. Perkara atau benda itu indah, menggembirakan dan menyeronokkan. Malar (2004) yang menjelaskan bahawa apabila guru menggunakan satu pendekatan yang melibatkan murid secara aktif untuk mengajar mata pelajaran minat murid akan meningkat.

#### **1.8.6 Murid-murid Tingkatan Empat**

Istilah ini merujuk kepada murid-murid Tingkatan Empat yang telah lulus Penilaian Menengah Rendah pada tahun 2008 dan berada dalam Tingkatan empat pada tahun 2009. Mereka terdiri daripada murid-murid Kumpulan Eksperimen daripada Sekolah Menengah Kebangsaan A dan murid-murid Kumpulan Kawalan dari Sekolah Menengah Kebangsaan B. Aras pencapaian bagi kedua-dua kumpulan adalah setara iaitu mempunyai tahap pencapaian sederhana. Kedua-dua sekolah terpilih terletak dalam daerah Tawau dan kategori sekolah luar bandar. Mereka merupakan populasi sampel yang dipilih mewakili keseluruhan Tingkatan Empat di sekolah masing-masing.

### **1.9 Kesimpulan**

Kajian ini bertujuan melihat kesan penggunaan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah di Sekolah Menengah Kebangsaan A di daerah Tawau. Selain itu kajian ini juga ingin melihat sejauh mana unsur-unsur Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) wujud dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah

menggunakan kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE. Guru harus menjadi fasilitator dan bukan sebagai pengajar sepenuhnya untuk mewujudkan pengajaran berpusatkan murid. Aktiviti pengajaran guru haruslah dapat merangsang fikiran murid untuk mengaitkan pembelajaran mereka di luar bilik darjah. Oleh itu, kajian pasti dapat memberi gambaran sebenar sama ada kaedah pengajaran berasaskan model TOCFE yang disepadukan dengan KBKK dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah Tingkatan Empat signifikan dalam meningkatkan pencapaian akademik dan minat murid.